

# Pilihan raya: PM mahu ahli UMNO serius

UM 3 DEC 2002

**K**UALA LUMPUR 2 Dis. — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu seluruh ahli parti memainkan peranan serius untuk memastikan tonggak Barisan Nasional (BN) itu terus mengekalkan mandat rakyat pada pilihan raya umum akan datang.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub berkata, oleh itu Majlis Tertinggi (MT) parti yang bermesyuarat Jumaat lepas memutuskan pemilihan parti perlu ditangguhkan kepada tarikh lain.

Kata beliau, Dr. Mahathir tidak mahu perebutan jawatan parti nanti menyebabkan ada pihak yang tewas tidak berpuas hati sekali gus menjejaskan usaha menyusun jentera pilihan raya yang mantap.

“Dr. Mahathir tidak mahu bila ada pilihan raya umum nanti, parti tidak sempat menyembuhkan ‘luka’ atau mendamaikan mana-mana pihak (yang kalah dalam perebutan jawatan).

“Sebab itu beliau mahu semua ahli UMNO memberi tumpuan penuh dengan bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Megat Junid diminta mengulas amanat yang disampaikan oleh Dr. Mahathir kepada semua ahli MT yang menghadiri mesyuarat berkeajaan di Ibu Pejabat UMNO, Menara Datuk Onn, PWTC pada 29 November lalu.

Menurutnya, dalam mesyuarat itu, Dr. Mahathir tidak pula membayangkan bila pilihan raya umum akan diadakan.

Bagaimanapun, Megat Junid berkata, ahli-ahli MT yakin pilihan raya umum akan diadakan selepas peralihan kuasa daripada Dr. Mahathir kepada Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Oktober tahun depan.

“Lagi pun, Dr. Mahathir telah menyatakan sebelum ini bahawa Abdullah akan mengetuai BN pada pilihan raya umum nanti.

“Beliau juga telah mengumumkan tidak akan bertanding di Kubang Pasu, Kedah,” katanya.

Pada pilihan raya umum 29 November 1999, BN meraih sokongan majoriti dua pertiga apabila memenangi 148 daripada 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Pas meraih 27 kerusi, DAP (10), Parti Keadilan Nasional

(5) dan Parti Bersatu Sabah, tiga kerusi.

Bagi kerusi Dewan Undangan Negeri yang berjumlah 394 kerusi, BN memperoleh 281 kerusi, Pas (98), DAP (11) dan Keadilan (3).

BN turut mengukuhkan kepercayaan rakyat apabila memenangi enam daripada lapan kerusi pilihan raya kecil yang dipertandingkan selepas pilihan raya umum tersebut.

Kecuali Lunas dan Anak Bukit, BN menyapu bersih kerusi Sanggang, Telok Kemang, Indera Kayangan, Likas, Ketari dan Pendang.

Parti pemerintah itu melalui BN Sarawak turut cemerlang apabila menang besar dalam pilihan raya negeri berkenaan tahun lepas.